

19 AUG 1996
Mahathir-Penyayang
PM PUJI SIKAP PENYAYANG MASYARAKAT MALAYSIA

KUALA TERENGGANU, 19 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini memuji sikap rakyat Malaysia yang sentiasa bersimpati dan sedia menderma kepada anggota masyarakat kurang bernasib baik.

Beliau berkata rakyat yang begitu bertanggungjawab dan bersimpati dengan mereka yang kurang bernasib baik tidak akan menjadi satu bangsa yang angkuh dan sombong.

"Masyarakat yang dianggotai oleh orang yang semacam ini mempunyai harapan yang cerah di masa depan kerana mereka terdiri daripada orang yang tidak angkuh dan sombong tetapi selalu tahu dan sedar tentang penderitaan orang lain... orang yang angkuh dan sombong tentu akan jatuh," kata Dr Mahathir pada jamuan Malam Mesra dan pelancaran projek Kompleks Penyayang untuk Kanak-kanak Kurang Upaya di sini.

Dr Mahathir juga berkata kerajaan bersedia memberi peruntukan untuk kebajikan golongan kurang upaya dalam semua bidang tetapi rakyat harus turut memainkan peranan mereka.

"Kalau kita cuma mengharapkan kepada kerajaan kerana kerajaan mempunyai peruntukan, maka ia menunjukkan bahawa kita tidak mempunyai sikap penyayang," kata beliau.

Perdana Menteri juga gembira kerana setiap kali diadakan kutipan derma bagi membantu masyarakat yang kurang bernasib baik, ia mendapat sambutan menggalakkan kerana semua rakyat Malaysia sanggup mengeluarkan derma mengikut kemampuan masing-masing.

Sementara itu, kutipan derma bagi pembinaan Kompleks Penyayang iaitu pusat latihan bagi kanak-kanak kurang upaya, di Chukai, Kemaman pada majlis itu mengumpulkan RM690,501.

Perdana Menteri dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali juga membantu kutipan derma itu menerusi dendangan lagu mereka.

Dr Mahathir menyampaikan lagu popular Allahyarham Tan Sri P. Ramlee, "Getaran Jiwa" secara solo dan kemudian berduet bersama Dr Siti Hasmah dalam lagu "Di Mana Suara Burung Kenari". Kedua-dua lagu itu berjaya mengumpulkan RM380,000.

Sebelum itu, sebanyak RM250,501 dikutip hasil deklamasi sajak "Tidakkah Kau Tahu" oleh Menteri Besar Terengganu Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad manakala baki diperolehi melalui penjualan 12 helai baju batik sutera.

Persatuan Isteri Wakil-wakil Rakyat Negeri Terengganu (Sri Kandi) yang menjadi penaung projek Kompleks Penyayang itu berharap dapat mengumpulkan RM1 juta bagi pembinaan pusat latihan itu. -- BERNAMA

SBJ IB NAK